

UNIMAS antara 20 universiti terbaik di Asia



KOTA SAMARAHAN, Jumaat — Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya tersenarai antara 200 universiti terbaik di Asia atas lima faktor utama, menurut Ketua Bahagian Jaminan Kualiti UNIMAS

Profesor Mohammad Ibrahim Safawi Mohd Zain (*gambar*).

Kelima-lima faktor itu ialah kepimpinan, strategi, persekitaran, inovatif dan keakraban antara kakitangan, jelasnya.

"Kami di UNIMAS amat beruntung kerana ditadbir oleh seorang pemimpin iaitu Naib Canselor Unimas, Profesor Datuk Dr. Khairuddin Ab. Hamid yang baik serta berfikiran terbuka kepada semua kakitangan yang digalakkan bersama memberi idea dan pendapat untuk meningkatkan kualiti UNIMAS," katanya ketika ditemui Utusan Sarawak.

UNIMAS menggunakan sistem pengurusan yang lebih unik dan baik kerana mempunyai sistem Informasi, komunikasi dan Teknologi (ICT) terbaik di Malaysia.

"Disamping itu, UNIMAS akan memiliki sistem ICT yang canggih berbanding universiti-universiti lain di negara ini serta lebih selamat menjelang Ogos ini. Sistem itu lebih canggih berbanding dengan yang lain, kerana ia tidak mudah diceroboh kerana semua data disimpan dengan sistem keselamatan yang canggih," ujarnya.

Tambahnya, pihak UNIMAS sentiasa berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang lebih mesra dari aspek sosial dan riadah untuk kepentingan pelajar dan kakitangan.

Ujarnya, pelbagai program diadakan untuk melibatkan pelajar serta kakitangan dan mengeratkan silaturahim antara mereka.

"Disamping itu juga, kita sentiasa menerapkan budaya inovatif dalam kalangan kakitangan. Kita sentiasa memberi peluang semua kakitangan untuk melakukan perubahan dan inovatif dalam setiap pekerjaan yang mereka lakukan dan mahu mereka menonjolkan kemahiran yang mereka ada," katanya.

Ujarnya, manakala faktor yang paling penting adalah keakraban antara kakitangan UNIMAS. Ibrahim memberitahu, sebenarnya penentu kejayaan UNIMAS adalah sokongan padu dan kerjasama kakitangan mereka sendiri.

"Kakitangan UNIMAS merupakan aset yang paling penting serta merupakan penjanjungan kepada wadah kejayaan UNIMAS. Bak kata pepatah, 'Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh'," jelasnya.

Beliau yakin kelima-lima faktor itu akan dapat dicapai dan akan memberi impak yang besar terhadap sasaran UNIMAS menjelang 2015. Katanya, sasaran itu adalah untuk menjana sebanyak 75 peratus kebolehpasaran pekerjaan graduan UNIMAS dan UNIMAS berhasrat untuk menjana 30 peratus pendapatan sendiri.

"Buat masa ini kita hanya mencapai 60 peratus kebolehpasaran pekerjaan graduan UNIMAS dan sekarang mampu menjana 20 peratus pendapatan sendiri. Kita yakin sasaran itu akan dapat dicapai tidak lama lagi, memandangkan UNIMAS mempunyai kekuatan yang tersendiri," katanya.

Justeru katanya, kesemua faktor itu adalah tonggak utama untuk meningkatkan kualiti UNIMAS supaya sentiasa menjadi pilihan pelajar di rantau Asia.